


Headline	Sumbang RM200,0 usaha pemuliharaan hutan		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	09 Jul 2024	Circulation	155,996
Section	Kosmo 2	Readership	467,988
Page No	22	ArticleSize	847 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 22,065
Journalist	N/A	PR Value	RM 66,196
Frequency	Daily		



Varia



PELAKSANAAN pelbagai projek pemuliharaan hutan berperanan penting dalam melindungi kepelbagaian biodiversiti di negara ini.

Oleh sebab itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh sektor awam dan juga swasta yang bekerjasama secara berkesan dalam menjalankan program-program bagi melindungi sebanyak mungkin hutan kita.

Sebagai mengukuhkan komitmen dalam pemuliharaan alam sekitar, syarikat peruncit pakaian global, UNIQLO baru-baru ini menyumbangkan dana berjumlah RM200,000 kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menyokong program pemuliharaan hutan-hutan di negara ini.

Sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada hasil yang dikutip syarikat itu yang diperoleh menerusi pembelian beg membeli-belah kertas UNIQLO.

Sumbangan diserahkan baru-baru ini di Muzium dan Galeri Penyelidikan FRIM, Kuala Lumpur.

Pengarah Undang-undang Kelestarian dan Perhubungan Awam Korporat UNIQLO Malaysia, Evelyn Tan berkata, sebagai ahli komuniti, mereka berasa

Sumbang RM200,000 usaha pemuliharaan hutan



ATAS: Pihak UNIQLO menyampaikan sumbangan kepada Ismail (dua dari kiri) di FRIM, Kuala Lumpur baru-baru ini.

KIRI: Pemuliharaan hutan penting bagi mengelak kepupusan flora dan fauna.

bertanggungjawab untuk membantu memelihara dan melindungi kawasan hijau tempatan.

"Dengan kerjasama FRIM, sumbangan ini antaranya akan membantu pelbagai inisiatif, termasuk inventori pokok dan pemetaan, aktiviti pemantauan dan penyelenggaraan.

"Kami berbesar hati untuk mengembangkan usaha pemuliharaan hutan dengan kerjasama FRIM, bertujuan untuk meningkatkan inisiatif pemuliharaan mereka dan meningkatkan kesedaran tentang keperluan kritikal untuk melindungi hutan kita," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah FRIM, Dr. Ismail Parlan pula berkata, pihaknya berterima kasih atas sokongan UNIQLO terhadap usaha pemuliharaan dan komitmen dalam mempromosikan kesedaran mengenai alam sekitar.

"Kerjasama itu membolehkan kami turus memulihara dan memelihara pokok di tapak-tapak projek kami, di samping memudahkan aktiviti penglibatan masyarakat untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan hutan," katanya.

Jelasnya, dana yang disumbang itu antara lain akan digunakan untuk projek inventori dan pemetaan pokok oleh FRIM bagi menilai stok karbon dan komposisi spesies pokok-pokok dengan garis pusat lebih daripada 10 sentimeter melalui pemetaan dan pengukuran yang komprehensif.

Sejak 2020, UNIQLO telah memperkenalkan beg beli-belah kertas yang sumbernya dituai secara bertanggungjawab dan diperakui oleh Majlis Pengawasan Hutan (FSC).

Setiap pembelian beg kertas tersebut dicat 30 sen sejajarnya dengan langkah kemampunan peruncit dalam mengurangkan penggunaan bahan plastik sekali guna dalam operasinya.

Selain kerjasama dengan FRIM, UNIQLO juga sebelum ini telah menunjukkan komitmennya untuk memelihara kawasan hijau menerusi sumbangan kepada taman hutan tempatan lait Taman Tugu.

Label itu juga akan turus meneroka penyelesaian dan perkongsian untuk terus menyokong pemuliharaan hutan dengan inisiatif perlindungan alam sekitar di Malaysia dan di peringkat global, sebagai sebahagian daripada usahanya untuk melestarikan lagi alam sekitar.

